NAMA : _____ KELAS : _____

REKA BENTUK FESYEN

5.2.1 DEFINISI REKA BENTUK

a) Pilih jawapan yang betul.

1. Fesyen merujuk kepada gaya atau stail serta tingkah laku yang diterima dan menjadi popular pada **satu-satu masa / setiap masa**.

2. Fesyen merujuk kepada apa-apa berkaitan **sejarah** / **perkembangan** trend semasa dan terdahulu dalam bidang reka bentuk pakaian, aksesori dan kelengkapan rumah tangga.

3. Reka bentuk fesyen merupakan suatu proses atau bidang seni yang mengaplikasikan **idea / pendapat** kepada sesuatu reka bentuk atau rekaan pakaian atau aksesori.

4. Reka bentuk fesyen menekankan **aplikasi** / **idea** konsep, prinsip dan elemen reka bentuk serta estetika atau keindahan.

5. Penghasilan reka bentuk fesyen melibatkan proses **pergerakan** / **pengulangan**, peniruan dan inovasi bagi menghasilkan reka bentu fesyen yang baru.

b) Padankan kerjaya dalam reka bentuk fesyen dengan pernyataan yang betul.

TENAGA PENGAJAR FESYEN

PERAMAL FESYEN

PEREKA FESYEN

PERUNDING IMEJ

1. Individu yang terlibat dalam memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada pelanggan. [ ]

2. Individu yang terlibat dalam proses mereka bentuk fesyen pakaian dan aksesori. [ ]

3. Individu yang mengajar secara langsung kemahiran menjahit serta pelbagai ilmu yang berkaitan jahitan kepada pelajar. [ ]

4. Individu yang terlibat dakam membuat ramalan trend fesyen yang popular. [ ]